

KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: HARIAN METRO (SETEMPAT)

TARIKH: 22 OGOS 2019

MUKA SURAT: 22

Shah Alam

Keputusan inkues Adib 27 September depan

Mahkamah Koroner di sini, semalam menetapkan 27 September depan sebagai tarikh keputusan inkues kematian anggota bomba, Muhammad Adib Mohd Kassim.

Koroner Rofiah Mohamad menetapkan tarikh itu selepas mendapati tiada apa-apa lagi bagi prosiding inkues itu untuk diteruskan.

"Mahkamah sebelum ini secara rasmi menutup inkues dan selepas meneliti semua,



Mahkamah sebelum ini secara rasmi menutup inkues dan selepas meneliti semua, tiada apa-apa lagi untuk diteruskan"

Rofiah Mohamad

tiada apa-apa lagi untuk diteruskan.

"Sehubungan itu, mahkamah menetapkan tarikh keputusan pada

Jumaat, 27 September, jam 10 pagi," katanya.

Prosiding inkues itu dikendalikan Pegawai Pengendali, Faten Hadni Khairuddin.

Pada 24 Julai lalu, Rofiah menutup prosiding inkues bagi menentukan punca kematian Muhammad Adib selepas berjalan 41 hari.

Prosiding inkues bermula 11 Februari lalu dengan 30 saksi termasuk beberapa saksi pakar dipanggil memberi keterangan.

Muhammad Adib, 24, anggota van Unit Bantuan Perkhidmatan Kecemasan (EMRS), Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Subang Jaya parah dalam rusuhan ketika kekecohan di tapak Kuil Sri Maha Mariamman, USJ 25, Subang Jaya pada 27 November tahun lalu.

Selepas 21 hari bertarung nyawa, Allahyarham menghembuskan nafas terakhir pada 17 Disember tahun lalu di Institut Jantung Negara (IJN), Kuala Lumpur.